

# Program Peningkatan Kebolehpasaran Pekerjaan UMS hari ini

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi Program Peningkatan Kebolehpasaran Pekerjaan dan Ketrampilan Graduan (FBEA Finishing School Programme) hari ini.

Pameran kerjaya yang bertemakan 'Your Future Is Your Brand' ini bermula jam 9 pagi hingga 5 petang di Library Foyer and Auditorium Library, UMS.

Pihak penganjur terdiri daripada Persatuan Mahasiswa Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) dan diselenggarakan atas kerjasama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

Program bertujuan memberi latihan, panduan dan persediaan kepada para pelajar tahun akhir FPEP dalam menghadapi dunia pekerjaan yang penuh kompetitif sesudah mereka tamat pengajian di UMS kelak.

Secara langsung, kemahiran dan informasi pelajar dapat dipertingkatkan dalam menghadapi dunia pekerjaan serta mendapatkan pekerjaan dan melahirkan graduan FPEP yang 'marketable', berdaya saing, dan berkeyakinan tinggi seperti yang diharapkan oleh majikan.

Tambahan pula, pameran kerjaya ini menjadi platform dan medium terbaik kepada para mahasiswa yang

masih belajar terutamanya mahasiswa tahun ketiga mahupun lepasan sekolah untuk membantu mereka meningkatkan keyakinan diri dalam dunia pekerjaan, dan mengenai kemahiran untuk mendapat panggilan temuduga serta menghadapi temuduga pekerjaan.

Mahasiswa yang hendak mencari peluang pekerjaan berpeluang menghadiri temuduga terbuka yang dijangka menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan daripada 14 agensi pelbagai industri pada karnival berkenaan. Maklumat biasa seperti biodata peribadi dan kelulusan akademik perlu dibawa bersama kepada mahasiswa yang berminat menghadiri sesi temuduga.

Pelbagai syarikat dan agensi yang hadir pada karnival ini memudahkan pengunjung membuat pilihan terbaik berdasarkan keminatan masing-masing dan kesungguhan yang tinggi untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

Selain itu, pihak penganjur akan mengadakan tiga ceramah dengan tema berlainan. Bagi melicinkan proses dan persiapan karnival ini, pihak penganjur telah membuat poster dan banner yang digantungkan di pelbagai tempat.

Jawatan-jawatan yang ditawarkan akan diiklankan di Facebook dan aplikasi telefon pintar sebelum acara bermula.